

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBRS PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**



**ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2021**

*29 September 2022, 3.00 pm, Hotel Ames*

*أونیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاکو*

---

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

*Bismillahirrahmanirrahim*

Terima kasih kepada Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

**Yang Berusaha Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berusaha Prof. Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)




Pegawai-Pegawai Kanan Universiti,

Para Penerima Anugerah Akademik Universiti 2021,

Hadirin hadirat Keluarga UTeM yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salam Sejahtera. Salam Keluarga Malaysia.  
Salam Keluarga UTeM.

- 
1. Setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya, dapat kita bersama-sama menjayakan Majlis Anugerah Akademik Universiti 2021 pada petang ini.
  2. Alhamdulillah pada tahun ini Majlis AAU dapat dijalankan seperti sediakala setelah negara berhadapan dengan penularan Wabak

COVID-19. Pada tahun ini, kita sekali lagi dapat meraih dan mengiktiraf ahli akademik yang cemerlang dalam pelbagai bidang bagi tahun 2021 pada majlis yang gilang gemilang ini.

3. Bagi pihak Universiti, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Anugerah Akademik 2021, khususnya kepada Panel Penilai Anugerah Akademik Universiti di peringkat Universiti, Panel Penilai Teknikal, dan Jawatankuasa Pelaksana Majlis, yang telah bertungkus-lumus memastikan perjalanan majlis penganugerahan ini lancar sepetimana yang dirancang dan dihasratkan oleh pihak Universiti.

4. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah yang akan diumumkan sebentar lagi. Semoga anugerah yang diterima pada hari ini, akan menggalakkan lagi kesarjanaan di kalangan ahli akademik UTeM, dan seterusnya meningkatkan lagi motivasi diri untuk terus cemerlang, gemilang, dan terbilang pada masa akan datang.

### **Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,**

5. AAU merupakan wadah penghargaan bagi ahli akademik UTeM yang telah melakar pelbagai kecemerlangan dalam bidang

pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan, pengkomersilan dan lain-lain lagi. Tradisi penghargaan ini secara langsung menyokong usaha UTeM dalam memperkasakan lagi ekosistem akademik agar lebih terserlah dan dinamik sejajar dengan kehendak pendidikan tinggi semasa.

6. Ahli akademik merupakan golongan ilmuan yang bukan sahaja berperanan sebagai tenaga pengajar kepada mahasiswa dan mahasiswi, tetapi juga turut menggalas tanggungjawab dalam menyuburkan ilmu dan kepakaran yang mampu menyumbang kepada kelestarian pembangunan global masa kini.

7. Saya amat yakin, UTeM sebagai sebuah universiti teknikal, mempunyai potensi yang amat besar untuk mengungguli bidang pendidikan tinggi teknikal atau TVET, disamping menjadi hub rujukan utama bagi kesejahteraan masyarakat, dan pembangunan industri serta negara.
8. Bagi menzahirkan tuntutan ini, ahli-ahli akademik perlu senantiasa memperkasakan diri, meningkatkan daya kompetensi diri dan mengamalkan budaya inovasi dan kreatif dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

## **Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian,**

9. Di sebalik kejayaan yang telah diraih selama ini, ingin saya berpesan, agar kita semua tidak mudah rasa selesa dengan apa yang telah dimiliki. Perjalanan untuk mencapai visi dan misi universiti ini masih jauh dan pastinya pelbagai cabaran yang perlu diharungi secara bersama.
10. Baru-baru ini saya bersama pengurusan tertinggi Universiti telah menghadiri Retreat bersama Ahli Lembaga Pengarah Universiti di Pulau Pinang. Hasil daripada retreat tersebut, pelbagai inisiatif telah dicadangkan supaya UTeM dapat mengungguli MTUN sebagai sebuah Universiti TVET seterusnya meletakkan UTeM

di dalam senarai *World University Ranking* selain memperbaiki kedudukan UTeM dalam *Times Higher Education*. Bagi tujuan tersebut, 5 Strategik Teras (5ST) telah dimurnikan dan diperbaiki bagi memastikan UTeM berjaya memburu misi tersebut.

11. Insya Allah, dengan usaha bersepadu dari semua pihak, saya yakin, segala apa yang diaspirasikan ini mampu beroleh kejayaan, dengan syarat kita semua perlulah bertindak sekarang dengan mentransformasikan kredibiliti diri ke tahap yang lebih baik.

## **Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

12. Sebelum saya akhiri ucapan, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga universiti khususnya ahli akademik yang telah memainkan peranan penting dan memberikan sumbangan terbaik dalam aspek akademik, penyelidikan, pembangunan bakat insan yang cemerlang dan lain-lain lagi.
  
13. Saya juga berharap agar penerima Anugerah Akademik Universiti yang sbakal diumumkan sebentar lagi akan terus menjadi inspirasi, pendorong, penggerak dan pemangkin

kecemerlangan kepada ahli akademik lain dalam mencipta lebih banyak kejayaan di masa hadapan.

Janganlah tuan rindu-rinduan

Mengenang si dara berkain selendang

Ahli akademik tunjang keilmuan

Bersatu mengangkat universiti terbilang

Sekian, *wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*